

06/02/1997

Kementerian sedia terima teguran atasi kelemahan

KEMENTERIAN Pendidikan sentiasa bersikap terbuka dan bersedia menerima sebarang teguran terhadap kekurangan dan kelemahan dalam kurikulum Pendidikan Islam serta kaedah pengajarannya di sekolah.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau bersikap terbuka dan sedia menerima pandangan mengenai perkara itu untuk memastikan Pendidikan Islam dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan.

Beliau juga memberi jaminan mengkaji segala pandangan yang dikemukakan oleh peserta dalam mesyuarat khas menteri, Menteri Besar dan semua pegawai kanan agensi kerajaan mengenai masalah sosial di kalangan masyarakat Islam negara ini, semalam.

Menurutnya, dalam sesi soal jawab mesyuarat itu, peserta yang memberi pandangan supaya konsep tauhid diperjelaskan lagi, terutama asal-usul manusia, kewajipan manusia, peranan ilmu serta menyemaikan rasa takut kepada Tuhan.

"Penekanan ini (tauhid) lebih penting daripada aspek ritual. Kita akan kaji segala pandangan itu supaya pendekatan kita lebih berkesan," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di pejabatnya selepas menghadiri mesyuarat khas itu yang berlangsung di Dewtan Muktamar, Pusat Islam, di ibu negara, semalam.

Perjumpaan itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Najib, Kementerian Pendidikan sudah membuat pindaan terhadap kurikulum Pendidikan Islam dengan memberi tumpuan lebih kepada aspek nilai supaya pengajaran dan pembelajarannya lebih berkesan.

Bagaimanapun, beliau masih bersedia menerima sebarang pandangan supaya sebarang kekurangan dan kelemahan yang ada dapat diperbaiki dari segi kurikulum dan juga cara mengajar.

"Saya masih mempunyai sikap terbuka dalam aspek ini. Jika ada apa-apa pandangan, kita akan buat pembetulan, perubahan dan pengubahsuaian," katanya.

Disember lalu, Najib mengumumkan kurikulum baru Pendidikan Islam peringkat rendah dan menengah akan diperkenalkan di semua sekolah di seluruh negara mulai sesi persekolahan 1998.

Kurikulum itu yang menggantikan kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan sekarang antara lain menetapkan sasaran 100 peratus pelajar celik al-Quran dan Fardu Ain, boleh membaca dan menulis jawi serta memberi penekanan kepada pembinaan akhlak dan nilai murni berasaskan tauhid.

Percubaan menggunakan kurikulum baru itu dilaksanakan untuk tingkatan satu di 20 sekolah menengah dan tahun satu di 20 sekolah rendah di seluruh negara, tahun ini.

Menurutnya, kurikulum baru itu lebih baik daripada yang digunakan sekarang dan sebagai respons terhadap permasalahan sosial yang hangat diperkatakan kini.

Kurikulum itu diubah suai supaya tumpuan kepada pembinaan akhlak dan nilai akhlak berasaskan tauhid dijelaskan sebaik mungkin bagi memastikan penerapan nilai murni berasaskan pandangan Islam dapat dilaksanakan dengan betul.

Kurikulum yang ada sekarang dikatakan lebih berbentuk menghafal tetapi kurang penekanan kepada soal amalan dan penghayatan.

Antara ciri kurikulum baru itu ialah kefahaman ayat mengikut isu semasa

seperti pengharaman zina dan arak serta pengukuhan nilai dan penyelesaian masalah, penekanan nilai berteraskan iman dan taqwa, pengajaran berfokuskan pelajar dan guru sebagai fasilitator dan pakar rujuk serta menyuburkan kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah melalui pendekatan Islam.

(END)